

AGIHAN ZAKAT *IBN AL-SABIL* DALAM REALITI SEMASA

Distribution of *Zakāh* to The *Ibn al-Sabīl* in The Current Reality

Hasanah Abd Khafidz¹
Irwan Mohd Subri²

ABSTRACT

This article discusses the status of the ibn sabil as one type of zakāh recipient from the perspective of Islamic fiqh. It focuses on the application and the appropriateness of the distribution of zakāh property to this type of recipient based on current needs and contemporary circumstances. The interpretations of scholars of legal texts from various sources are examined to verify the real status of the ibn sabil in the fiqh discourse. Four aspects related to the subject matter namely; individual status, sources, wealth and the objective are thoroughly discussed to determine the concept of the ibn sabil in the modern context and identify their eligibility to receive zakāh property. The results of the study show that Islam has provided a “contingency plan” to facilitate travellers in need of assistance in monetary form for inevitable obstacles. It also proves that the value of humanity is highly considered in the

¹ Senior Lecturer, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, hasanah@usm.my.

² Senior Lecturer, Faculty of Syariah & Law, Islamic Science University of Malaysia, irwan@usim.edu.my.

regulation and the implementation of zakāh. The aspect of good governance in the practice of distribution, however, needs to be taken into serious consideration to avoid mismanagement.

Keywords: Zakāh, asnaf, humanity, ibn al-sabīl, poor, contemporary fiqh.

PENDAHULUAN

Zakat ialah satu kewajipan dan ketentuan daripada Allah SWT ke atas setiap individu Muslim. Kewajipannya selalu disebut seiring dengan kewajipan solat seperti dalam firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوْةَ

"Dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat".

(Surah al-Baqarah, 2:43)

Zakat juga satu ibadat dalam bentuk harta dan ia adalah bantuan kewangan ataupun harta kepada mereka yang memerlukan. Dalam perbahasan fiqh, golongan yang memerlukan ini dipanggil "asnaf". Asnaf atau mereka yang boleh menerima zakat telah dihadkan oleh nas al-Quran kepada lapan golongan sahaja. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ
فُلُوْجُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَيْنَ وَفِي سَيِّلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّيِّلِ
فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ

"Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

(Surah al-Tawbah, 9:60)

Lapan kategori ini telah merangkumi golongan manusia yang kebiasaannya memerlukan bantuan daripada pihak lain. Namun artikel ini hanya akan menumpukan kepada satu kategori daripada lapan asnaf penerima zakat iaitu *ibn al-sabīl* (orang-orang musafir yang keputusan wang dalam perjalanan).

ASNAF *IBN AL-SABĪL*

Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang menyentuh tentang galakan memberi bantuan kepada *ibn al-sabīl*, seperti:

فَعَاتِ ذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ وَالْمَسِكِينَ وَابْنَ السَّيِّلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلّٰتِينَ يُرِيدُونَ
وَجْهَ اللّٰهِ
ص

"Maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing. Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperoleh keredaan Allah".

(Surah al-Rūm, 30:38)

Firman Allah SWT lagi:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُؤْلُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ
بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَئِكَةَ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاقِ الْمَالَ عَلَى
حُبِّهِ دُوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَمَّ وَالْمَسِكِينَ وَابْنَ السَّيِّلِ وَالسَّائِلِينَ
وَفِي الرِّقَابِ

"Bukanlah perkara kebijakan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebijakan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi".

(Surah al-Baqarah, 2:177)

Allah SWT juga berfirman:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلْ مَا آنفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلَّهِ الْدِينُ وَالْأَقْرَبُونَ
وَالْيَتَمَّ وَالْمَسْكِينُ وَابْنُ السَّكِيلِ وَمَا تَعْلَمُوا مِنْ حَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalaas dengan sebaik-baiknya)".

(Surah al-Baqarah, 2:215)

Daripada ketiga-tiga ayat al-Quran di atas dapat difahami bahawa Islam menggalakkan umat Islam membantu golongan *ibn al-sabil* atau orang musafir. Ini kerana dengan membantu golongan ini, mereka telah mendapat kebaikan dan pahala yang besar daripada Allah SWT. Apatah lagi Allah SWT telah menjamin untuk membantu seseorang itu sekiranya dia membantu orang lain. Ini dapat difahami melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA:³

وَاللَّهُ فِي عَوْنَ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَ أَخِيهِ

"Allah akan membantu seseorang hamba itu selama dia membantu saudaranya".

DEFINISI *IBN AL-SABIL*

Perkataan *ibn* bermaksud anak⁴, manakala *al-sabil* bermaksud jalan.⁵ Oleh itu, *ibn al-sabil* bermaksud anak jalan. Ia merupakan satu kiasan yang digunakan

³ Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Faḍl al-Ijtīmā' 'alā Tilāwat al-Qur'ān Wa 'alā al-Dhikr. No. 7028).

⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth, 1999), i. 506.

⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, vi. 162.

bagi orang yang sentiasa bermusafir atau kerap merantau kerana kelazimannya mereka sentiasa berada di jalanan.⁶

Menurut mazhab Hanafi, *ibn al-sabīl* ialah orang asing yang terputus daripada hartanya walaupun dia seorang yang kaya di tanah airnya kerana dia ialah seorang yang fakir pada masa tersebut.⁷ Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa‘id:⁸

لَا تَحْلِ الْصَّدَقَةُ لِغُنْيٍ إِلَّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ ابْنِ السَّبِيلِ أَوْ جَارِ فَقِيرٍ يَتَصَدِّقُ عَلَيْهِ
فِيهِدِي لَكَ أَوْ يَدْعُوكَ

"Tidak dihalalkan sedekah (zakat) untuk orang kaya kecuali pada jalan Allah atau ibn al-sabil atau jiran yang miskin yang diberikan sedekah kepadanya lalu diberikannya kepadamu atau mendoakan kamu".

Menurut mazhab Maliki pula, *ibn al-sabīl* ialah orang asing yang memerlukan harta untuk meneruskan perjalanan ke destinasi pada perkara yang bukan maksiat dan tidak mempunyai wang sara diri sedangkan dia memiliki di tanah airnya. Menurut mazhab ini, orang asing tersebut disyaratkan seorang yang merdeka, Muslim, bukan daripada kabilah Bani Hashim dan memerlukan harta untuk meneruskan perjalannanya.⁹

Menurut Imam al-Shafi‘i pula, *ibn al-sabīl* ialah seseorang yang berada di suatu kawasan harta sedekah (zakat) yang hendak bermusafir pada perkara bukan maksiat tetapi tidak mampu untuk sampai ke destinasi melainkan diberikan bantuan kepadanya.¹⁰ Imam al-Nawawi menjelaskan pentafsiran ini dengan menyatakan bahawa dalam mazhab Shafi‘i, terdapat dua golongan yang boleh dikategorikan sebagai *ibn al-sabīl*. Golongan pertama ialah anak watan ataupun bukan, atau orang yang bermukim di sesuatu tempat yang hendak

⁶ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vi. 163.

⁷ Al-Kasānī, ‘Alā al-Dīn Abū Bakar bin Su‘ud al-Ḥanafī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Shara’i‘* (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2000), ii. 908.

⁸ Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajistānī, *Sunan Abī Dāwud*. Bāb Man Yajuzu Lahu Akhdhu al-Ṣadaqah Wa Huwa Ghaniy, no.1639 (‘Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2004).

⁹ Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Irfah al-Mālikī, *Hāshiyat al-Dusūqī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), i. 497-498.

¹⁰ Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Al-Mansurah: Dār al-Wafa’, 2004), ii. 98.

memulakan perjalannya. Manakala golongan kedua ialah orang asing yang terkandas dan tidak dapat meneruskan perjalannya.¹¹

Mazhab al-Shafi'i juga telah mengenakan syarat bagi golongan *ibn al-sabīl* yang layak untuk menerima zakat iaitu perjalanan itu hendaklah dalam perkara yang berbentuk ketaatan kepada Allah SWT iaitu pada perkara yang mempunyai kaitan dengan agama. Sekiranya syarat ini dipenuhi maka dia adalah layak untuk menerima bantuan sepenuhnya bagi menampung perjalannya sehingga sampai ke destinasi tujuannya.

Walau bagaimanapun, bagi perjalanan yang bertujuan maksiat, zakat tidak boleh diberikan kerana ia dianggap sebagai satu bentuk kerjasama dalam perkara yang mungkar. Namun bagi perjalanan yang dilakukan untuk perkara-perkara yang diharuskan, terdapat dua pandangan dalam mazhab Shafi'i. Pandangan pertama tidak membenarkan sama sekali pengagihan tersebut dibuat, manakala pandangan kedua pula mengharuskan pemberian zakat kepada *ibn al-sabīl* bagi perjalanan yang diharuskan termasuklah untuk mencari pekerjaan dan melancong. Pandangan kedua ini lebih diterima pakai dalam mazhab Shafi'i berbanding pandangan yang pertama.¹²

Menurut mazhab Hanbali pula, *ibn al-sabīl* dalam konteks asnaf zakat bermaksud musafir yang menempuh kesukaran dalam perjalannya dan perjalannya itu adalah atas urusan ketaatan (agama) atau perkara-perkara yang harus. Dia juga tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk meneruskan perjalannya sama ada untuk ke destinasi ataupun untuk pulang ke tanah airnya. Musafir ini adalah layak untuk menerima zakat walaupun dia adalah seorang yang kaya di tanah airnya. Walau bagaimanapun, menurut mazhab ini, orang yang baru hendak memulakan perjalanan dari tanah airnya adalah terkecuali daripada golongan ini.¹³

Berdasarkan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan, boleh disimpulkan bahawa para fuqaha telah bersepakat bahawa *ibn al-sabīl* ialah seorang musafir atau orang asing yang menghadapi kesukaran dalam perjalanan disebabkan terputusnya bekalan yang berbentuk kebendaan. Fuqaha mazhab Shafi'i pula menambah pentafsirannya dan berpendapat bahawa *ibn al-sabīl* boleh juga terdiri daripada pemastautin yang hendak memulakan perjalanan dari tempat tinggalnya tetapi tidak mempunyai bekalan harta yang mencukupi bagi memulakan perjalanan.

¹¹ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Dimashqī, *Kitab al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirazī* (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2001), iv. 214.

¹² Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirazī*, iv. 214-215.

¹³ Al-Bahutī, Maṇṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Ḥanbālī, *Kashshaf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1982), ii. 284.

AGIHAN ZAKAT UNTUK *IBN AL-SABĪL*

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, didapati bahawa para fuqaha telah meletakkan syarat-syarat bagi melayakkan *ibn al-sabīl* menerima zakat, iaitu:

- i. Islam.
- ii. Merdeka.
- iii. Bukan keturunan Banī Hāshim. Syarat ini hanya dinyatakan dalam mazhab Maliki.
- iv. Orang asing atau musafir. Syarat ini telah disepakati oleh para fuqaha. Walau bagaimanapun, fuqaha Shafi'i berpendapat bahawa *ibn al-sabīl* boleh juga terdiri daripada penduduk asal sesuatu tempat atau orang yang bermukim di situ atau sesiapa sahaja yang hendak melakukan perjalanan yang berada dalam sesuatu kawasan kutipan zakat. Dalam konteks ini, Imam Shafi'i sering menggunakan istilah "kejiranah harta sedekah".
- v. Terputus perjalanan, iaitu menghadapi kesukaran akibat terputusnya bekalan harta. Syarat ini adalah syarat yang disepakati oleh para fuqaha. Walau bagaimanapun, fuqaha Shafi'i menambah bahawa orang yang bermastautin di sesuatu tempat dan ingin memulakan perjalanan tetapi tidak mempunyai harta yang mencukupi juga layak untuk menerima zakat.
- vi. Perjalanan tersebut bukan bertujuan maksiat. Sebaliknya, perjalanan itu hendaklah pada perkara yang diharuskan atau perkara-perkara sunat atau perkara wajib.
- vii. Memerlukan harta bagi perjalanannya.

Dalam pengagihan zakat *ibn al-sabīl*, sekiranya seorang musafir itu tidak memerlukan bantuan harta, maka zakat tidak perlu diberikan kepadanya kerana seseorang musafir yang terputus perjalanan mungkin masih ingin meneruskan perjalanannya atau menetap di negara asing. Malah dia mungkin masih mampu meneruskan perjalanannya dengan menumpang pedagang atau kenderaan orang lain tanpa perlu mengeluarkan wang sedikit pun.

Hal ini kerana, asas pengagihan zakat kepada para asnaf secara umumnya adalah kerana mereka memerlukan bantuan kewangan atau kebendaan, manakala asas pengagihan zakat kepada *ibn al-sabīl* secara khusus pula ialah kerana mereka terputus bekalan harta bagi meneruskan perjalanan ke destinasi tertentu dan memerlukan bantuan kewangan atau kebendaan bagi meneruskan

hajat mereka. Oleh itu, hanya orang yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan atau kebendaan layak menerima zakat daripada peruntukan asnaf *ibn al-sabīl*.

Dalam hal ini, para fuqaha menjelaskan bahawa walaupun seseorang itu mempunyai kekayaan di tanah airnya, dia masih tetap layak menerima zakat dibawah peruntukan asnaf *ibn al-sabīl* kerana dia dianggap fakir pada masa dan tempat dia terkandas. Malah al-Nawawi menambah bahawa sekiranya seorang *ibn al-sabīl* menemui sesiapa yang boleh memberikannya pinjaman atau hutang bagi memenuhi keperluannya sekalipun, dia tidak perlu untuk berhutang dengan orang tersebut walaupun meyakini bahawa dia mampu membayar balik hutang tersebut. Sebaliknya, dia tetap layak untuk menerima zakat daripada asnaf ini untuk meneruskan perjalannya.¹⁴

Dari sudut tujuan pemberian zakat ini, bolehlah disimpulkan bahawa terdapat tiga keadaan penerima zakat yang tergolong di bawah asnaf ini:

- i. Memerlukan harta untuk memulakan perjalanan. Hal ini adalah menurut pendapat al-Shāfi‘ī.
- ii. Memerlukan harta untuk pulang ke tanah air. Hal ini adalah menurut pendapat jumhur.
- iii. Memerlukan harta untuk menyambung perjalanan ke tempat tujuan (bukan tanah airnya). Hal ini juga adalah menurut pendapat jumhur.

TAFSIRAN ASNAF *IBN AL-SABĪL* DALAM REALITI SEMASA

Ibn al-sabīl adalah asnaf terakhir yang dinyatakan dalam ayat lapan asnaf di dalam surah al-Tawbah. Ia ditafsirkan sebagai orang yang asing atau musafir yang menghadapi kesukaran dalam perjalannya kerana terputusnya bekalan harta. Bagi membincangkan tafsiran asnaf *ibn al-sabīl* dalam realiti, pentafsiran yang diberikan oleh para fuqaha boleh dikelaskan kepada empat aspek iaitu individu, punca, kehartaan dan tujuan.

1. Aspek Individu (orang asing atau orang yang bermusafir dan pemastautin yang hendak bermusafir)

Bermusafir merupakan satu galakan dalam Islam. Selain bertujuan melihat kesan sejarah sebagai akibat penafian umat terdahulu terhadap ajaran Nabi mereka, terdapat banyak manfaat lain yang digalakkan supaya bermusafir seperti mengerjakan haji, mencari rezeki, bermiaga, ziarah-menziarahi dan

¹⁴ Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirazī*, iv. 216.

sebagainya. Hal ini telah menjadi satu budaya dalam masyarakat Arab terdahulu hingga kini.¹⁵

Dalam sosio-budaya di Malaysia, pembentukan hukum Islam sangat terpengaruh dengan aliran mazhab Shafi'i, maka ia turut memberi kesan dalam mentafsirkan hakikat dan pengertian *ibn al-sabīl*. Tafsiran ini telah membawa kepada pemberian tambang perjalanan yang bermatlamat pendidikan kepada pelajar tempatan terutama yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara atau kepada penuntut asing yang ingin kembali ke negara asal masing-masing setelah tamat pengajian. Ini dianggap satu ijтиhad baru dalam pengagihan asnaf *ibn al-sabīl*. Lazimnya ia diberikan kepada orang asing atau musafir yang menghadapi kesukaran dalam perjalannya.¹⁶

Sekiranya saluran bantuan untuk orang asing yang menghadapi kesukaran dalam perjalannya adalah perlu, maka pemberian bantuan kepada pemastautin yang hendak menuntut ilmu atau sebarang urusan penting yang boleh membawa kebaikan kepada masyarakat umum hendaklah lebih dititikberatkan. Hal ini kerana tujuan pengagihan tersebut adalah sama. Malah, ia lebih penting lagi bagi maslahat bersama, iaitu seseorang yang memerlukan bantuan kebendaan bagi menuju ke destinasi tertentu yang bukannya untuk perkara maksiat, sebaliknya bagi urusan yang boleh menjadi fardū ain ataupun fardū kifayah yang dapat memberikan manfaat kepada umat Islam. Tambahan pula pelajar yang ingin mendalami ilmu akan memberi manfaat pula kepada agama, manusia dan negara di kemudian hari.

Oleh yang demikian, aspek penentuan status sebagai orang asing ataupun orang yang bermusafir dan pemastautin yang hendak memulakan perjalanan adalah sangat sesuai dengan realiti di Malaysia.

2. Aspek Punca (terputus daripada hartanya dan tidak mempunyai harta untuk meneruskan perjalannya)

Aspek ini adalah penting dalam menentukan ciri orang asing yang dimaksudkan dalam pengertian *ibn al-sabīl*. Walaupun aspek ini bertentangan dengan maksud literal *ibn al-sabīl* yang lebih menjurus kepada orang yang sentiasa di jalanan, namun ‘urf *lafzī* telah membataskan pengertiannya hanya kepada orang yang terkandas sahaja iaitu kerana tidak mempunyai harta bagi meneruskan perjalanan. Hal ini menjelaskan bahawa bukan semua yang berstatus musafir layak menerima zakat.

¹⁵ Al-Qarađāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh* (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1982), ii. 672.

¹⁶ ‘Lembaga Zakat Selangor’, <http://www.e-zakat.com.my/jenis-bantuan-pendidikan/> Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2 Jun 2012.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang berteknologi tinggi dan mengamalkan sistem perbankan pintar yang menyediakan perkhidmatan seperti *auto teller machine* (ATM), kad kredit dan sebagainya, maka hubungan antara bank di Malaysia dengan bank luar negara adalah sangat baik. Dengan ini urusan pindah wang dan keluar masuk wang juga menjadi mudah dan lancar melalui perkhidmatan seperti MEPS, kad kredit, cek dan lain-lain lagi.

Namun begitu, hakikat ini tidak dapat menafikan kemungkinan seseorang tidak berpeluang mempunyai kemudahan tersebut. Sekiranya memiliki kemudahan tersebut sekalipun, ia berkemungkinan terhalang daripada penggunaannya kerana masalah seperti kehilangan dompet, bencana alam yang merosakkan sistem komunikasi atau sebagainya.

Realiti ini menyokong logik aspek ini untuk dikekalkan. Selain itu, selaras dengan pandangan yang cenderung kepada keharusan pemberian zakat kepada orang yang hendak memulakan perjalanan, maka aspek yang sesuai untuk menentukan status golongan ini ialah tidak mempunyai harta yang mencukupi bagi memulakan perjalanannya.

3. Aspek Kehartaan (memerlukan harta walaupun dia berharta di tanah airnya)

Pandangan jumhur fuqaha telah menjelaskan bahawa fakir dan miskin ialah syarat bagi asnaf *ibn al-sabil*. Ia dilihat bagi keadaan semasa dan setempat, iaitu sebagai contoh, pada masa tertentu, di tempat tertentu, seseorang itu boleh menjadi miskin kerana terputus daripada hartanya. Turut disyaratkan bahawa dia haruslah benar-benar memerlukan harta tersebut bagi tujuan perjalanannya.

Hal ini memandangkan dalam sesetengah keadaan, walaupun seseorang itu terputus daripada hartanya namun dia masih boleh lagi meneruskan perjalanannya seperti menumpang kenderaan lain. Sandaran kepada aspek ini di Malaysia adalah selaras dengan kehendak syarak. Hal ini kerana sekiranya seseorang yang bermusafir masih boleh mendapatkan hartanya, maka dia tidak perlu dibantu. Ia selaras dengan matlamat pengagihan zakat yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada pihak yang ditentukan bagi meringankan bebaninya atau membebaskannya daripada beban dan masalah yang ditanggung. Tambahan pula, budaya bermusafir di Malaysia atas pelbagai tujuan adalah sangat meluas. Untuk memastikan matlamat syariat dalam pengagihan zakat tercapai, maka sudah tentulah hanya orang yang memerlukan sahaja yang perlu dibantu.

Oleh itu, dalam mengaplikasi agihan zakat kepada asnaf ini, perkara yang amat perlu dititikberatkan dari sudut kehartaan ialah apakah dia benar-benar sudah jatuh miskin? Apakah di tempat dia terkandas itu langsung tiada harta atau ada tetapi tidak mencukupi bagi meneruskan perjalanananya? Apakah dia benar-benar gagal mendapatkan hartanya yang berada di tanah airnya atau di mana-mana sahaja? Bagaimanakah bentuk perjalanananya dan berapakah pula kosnya? Sebaliknya, persoalan tentang jumlah harta yang dimilikinya di tempat lain tidak perlu dibangkitkan.

Bersesuaian dengan matlamat pengagihan zakat kepada asnaf ini selain meluasnya aktiviti musafir di Malaysia, maka didapati aspek ini sangat bersesuaian dalam mentafsirkan *ibn al-sabīl* di Malaysia.

4. Aspek Tujuan (pada perkara ketaatan dan yang diharuskan dan bukannya pada perkara maksiat)

Aspek ini selaras dengan matlamat syariat yang mahu merealisasikan kebaikan dan kemaslahatan. Dalam aspek ini, ketaatan yang dimaksudkan ialah perkara-perkara yang dihukumkan fardu, wajib dan juga sunat. Oleh itu, pemberian zakat untuk membantu seseorang melakukan maksiat pastinya dilarang sama sekali.

Melihat kepada realiti di Malaysia, amalan bermusafir diamalkan secara menyeluruh dalam setiap aktiviti masyarakat. Dalam sektor pendidikan contohnya, seawal usia belasan tahun lagi ramai pelajar yang meninggalkan kampung halaman untuk belajar di sekolah-sekolah berasrama. Dalam urusan perniagaan pula memerlukan peniaga melakukan perjalanan jauh untuk mengembangkan perniagaan. Lebih-lebih lagi jika perniagaan yang dijalankan berbentuk perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran. Dalam sektor awam pula, seringkali para pegawai terpaksa keluar daerah untuk melaksanakan tugas masing-masing. Begitu juga dalam sektor pelancongan yang sememangnya menuntut kepada perjalanan yang jauh dan kadangkala berisiko.

Melihat kepada meluasnya aktiviti ke luar daerah di Malaysia, maka dalam konteks *ibn al-sabīl*, pengagihan zakat mengikut asnaf *ibn al-sabīl* perlu lebih dikhatusukan hanya pada perkara yang perlu sahaja. Maksudnya, ia perlu dihadkan kepada perjalanan yang berbentuk ketaatan yang perlu sahaja. Sebaliknya, memberikan zakat semata-mata pada perkara yang berhukum harus adalah tidak wajar.

Hal ini untuk memastikan bahawa penggunaan wang zakat dimaksimumkan hanya untuk perkara yang benar-benar perlu bagi mengelakkan penyelewengan. Ini kerana kita tidak mahu wang zakat digunakan

untuk perkara seperti melancong atau mengerjakan haji bagi fakir dan miskin. Hakikatnya, kemiskinan yang melanda telah melepaskan mereka daripada tuntutan mengerjakan haji. Jika perkara seperti ini dikecualikan, maka penggunaan wang zakat untuk melancong sudah tentu tidak boleh diterima.

Namun begitu, ingin ditegaskan bahawa hal ini dikhkususkan untuk orang yang baru hendak memulakan perjalanan sahaja. Sebaliknya, bagi orang asing yang terputus daripada hartanya ketika sedang bermusafir kerana berlaku keadaan yang di luar jangkaan seperti kecurian, gempa bumi, kebakaran, kemalangan dan sebagainya, maka dia diharuskan untuk menerima zakat untuk kembali ke tanah airnya atau ke tempat hartanya berada. Walaupun kedatangannya tadi adalah atas alasan yang diharuskan semata-mata (tidak mencapai tahap ketaatan yang mendesak), asalkan perjalannya itu tidak bertujuan melakukan perkara maksiat.

Oleh yang demikian, sebagai kesimpulan, aspek tujuan yang pada perkara ketaatan dan bukannya maksiat bersesuaian dengan realiti di Malaysia. Namun, ketaatan tersebut perlu dikhkususkan kepada perkara yang benar-benar perlu sahaja. Ia juga khusus bagi orang yang baru hendak memulakan perjalanan. Manakala bagi orang asing yang terkandas pula, aspek ini boleh diaplikasikan kerana mereka termasuk dalam status orang yang musafir untuk tujuan yang diharuskan atau wajib dan bukannya kerana maksiat malahan dia juga terputus daripada hartanya.

KESIMPULAN

Kebiasaan bagi orang yang ingin bermusafir untuk apa tujuan sekalipun akan membuat persediaan terutama daripada segi kewangan. Namun apa sahaja kemungkinan boleh berlaku dalam perjalanan sama ada berlaku kecurian atau rompakan, kehilangan, berlaku bencana dan sebagainya. Justeru, Islam telah menyediakan "pelan kecemasan" kepada orang musafir yang keputusan wang dengan dana zakat melalui *asnaf ibn al-sabīl*. Melalui perbahasan *ibn al-sabīl* di atas, amat jelas sekali peranan zakat yang menitikberatkan aspek nilai kemanusiaan yang tinggi. Orang yang mengalami keputusan wang dalam perjalanan akan menghadapi waktu dan keadaan yang amat sukar. Dengan dana *ibn al-sabīl*, ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka meneruskan perjalanan pulang atau ke destinasi yang ingin dituju. Untuk merealisasikan matlamat ini terutamanya di Malaysia kelihatan amat mudah. Ini kerana di sesetengah negeri, pusat-pusat zakat negeri membuka pejabat atau cawangannya di setiap daerah. Secara teorinya, mereka yang mengalami

keputusan wang dalam perjalanan boleh berurus dengan pejabat-pejabat zakat yang telah sedia ada ini. Namun dari sudut yang lain, pejabat-pejabat ini kebiasaannya beroperasi pada hari bekerja dan pada waktunya pejabat sahaja. Ini akan menyebabkan keadaan menjadi sukar terutamanya jika berlaku kecemasan selepas waktu pejabat atau pada hari cuti. Oleh itu, penulis mencadangkan agar institusi masjid dan surau menjadi "pusat zakat setempat" yang boleh melaksanakan objektif dana *ibn al-sabīl*. Masjid dan surau lebih banyak bilangannya daripada pejabat zakat dan ia lebih memudahkan. Apa yang penting ialah imam atau ahli jawatankuasa surau diberikan penerangan dan latihan untuk menguruskan dana zakat *ibn al-sabīl* bagi membantu mereka yang berhajat. Seperkara lagi yang perlu difikirkan ialah mekanisme terbaik bagi menyalurkan dana *ibn al-sabīl* kepada mereka yang benar-benar dalam kesempitan wang ketika perjalanan. Ini kerana pada zaman sekarang terdapat ramai orang yang sanggup menipu kerana wang. Bukan bertujuan untuk menyusahkan mereka yang memerlukan, tapi sebagai langkah berhati-hati dengan sebarang permohonan. Ini dapat mengelakkan daripada menyalurkan dana zakat kepada mereka yang tidak sesuai dan menzalimi mereka yang amat memerlukan.

RUJUKAN

- Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sajistanī, *Sunan Abī Dāwūd* ('Ammān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2004).
- Al-Bahutī, Mañṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Ḥanbalī, *Kashshaf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1982).
- Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Irfah al-Mālikī, *Hāshiyat al-Dusūqī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996).
- Al-Kasānī, 'Alā al-Dīn Abū Bakar bin Su'ud al-Ḥanafī, *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'* (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 2000).
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Dimashqī, *Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shirazī* (Beirūt: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2001).
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh* (Beirūt: Mu'assasah al-Risalah, 1982).
- Al-Shāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Al-Mansurah: Dār al-Wafa', 2004).
- Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirūt: Dār Ihya' al-Turāth, 1999).
- 'Lembaga Zakat Selangor', <http://www.e-zakat.com.my/jenis-bantuan-pendidikan/> Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2 Jun 2012.

